

Hawa minta peruntukan khusus

BH 25 JUL 2000

PUTRAJAYA, Isnin – Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) meminta kerajaan memperuntukkan belanjawan khusus kepada wanita, dalam setiap aspek Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata, permohonan itu dianggap wajar sejajar peranan wanita sebagai 50 peratus guna tenaga di negara ini.

“Sebelum ini dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh, peruntukan yang diberi hanya dimasukkan dalam satu bab khas bagi wanita. Kali ini di bawah RM-8, kami meminta kerajaan memberi peruntukan kepada wanita dalam semua bab yang ada,” katanya selepas perjumpaan khas dan dialog 90 badan bukan kerajaan (NGO) wanita bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, di jabatan itu di sini, petang ini. ◀

Beliau berkata, pandangan Hawa itu turut mendapat sokongan 150 wakil NGO, ahli akademik serta badan kerajaan wanita yang hadir. Segala peruntukan itu dilihat sebagai satu lagi bentuk sokongan kepada wanita.

Sehubungan itu katanya, Hawa akan mengadakan Persidangan Wanita 2000 pada 17 Ogos ini bertujuan mengumpulkan semua NGO wanita, ahli akademik dan pakar perunding wanita bagi

memberi input serta maklum balas bagi persediaan RM-8.

“Kami ingin mendapatkan segala input daripada mereka supaya cadangan dibuat akan mendapat pertimbangan kerajaan.

“Saya melihat perkara ini sebagai positif yang mana ia adalah sebahagian proses perundangan yang mana rakyat memberi maklum balas khususnya dari segi perspektif wanita dalam RM-8,” katanya.